

Angka Giliran: _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1991/92

Oktober/November 1991

SAU405 : Isu-Isu Dalam Pengajian Masyarakat Tani

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

BAHAGIAN A [40 markah]

Soalan jawapan pendek. Tiap-tiap soalan pendek adalah **WAJIB** dan akan diberi markah yang sama. Gunakan kertas ini untuk menjawab.

1. Mengapakah tesis tentang peranan revolusioner petani menengah (middle peasant) tidak dapat disesuaikan dengan peristiwa pemberontakan Bardoli di India?

[4 markah]

2. Mengapakah sarjana-sarjana sains sosial tidak memberi perhatian di dalam kajian mereka mengenai migrasi wanita dari masyarakat tani? Beri dua alasan.

[4 markah]

...2/-

[SAU 405]

Angka Giliran: _____

3. Empirisima petani Asia Timur bermaksud ...

(4 markah)

4. Apakah perbezaan yang wujud di antara masyarakat tani di Brazil dan di Afrika dari segi corak proses pengeluaran?

(4 markah)

5. Sebutkan empat kelas petani yang terdapat di kawasan sawah Kedah (rujuk pada Wan Hashim).

(4 markah)

6. Apakah anggapan yang wujud tentang keadaan perpindahan (migrasi) dari luar bandar mengikut pendekatan sistem dunia?

...3/-

[SAU 405]

Angka Giliran: _____

[4 markah]

7. Dalam keadaan apakah menurut Huntington kaum petani terlibat dalam sebuah revolusi?

[4 markah]

8. Apakah perbezaan yang wujud dari segi modal dalam konteks kapitalisme pinggiran antara nelayan di Pangkor dan petani di Kedah?

[4 markah]

9. Mengapakah keadaan pertanian berkelompok (collective farming) sukar dilaksanakan. Analisakan dengan mengguna perspektif antropologis.

[4 markah]

... 4/-

[SAU 405]

Angka Giliran: _____

10. Beri dua contoh dari negeri-negeri berlainan yang menunjuk bahawa motivasi perempuan untuk berhijrah dari kampung mempunyai perbezaan bila di bandingkan dengan dorongan bagi lelaki.

(4 markah)

...5/-

BAHAGIAN B [60 markah]

Pilih **EMPAT** soalan sahaja. Gunakan buku jawapan.

11. Sambil menggunakan contoh dari negeri Thailand dan India, gambarkan bahawa pertalian dengan keluarga di desa-desa masih kuat selepas berpindah ke bandar. Bertentangan dengan ini sebutkan satu contoh yang menunjuk bahawa migrasi ke bandar tidak memperkuatkan kebudayaan dan struktur masyarakat tani.

[15 markah]

12. Tafsirkan kenyataan bahawa golongan petani secara am tidak dapat memulakan sebuah revolusi sendiri bila dibandingkan dengan kaum proletar di bandar. Huraikan bagaimana dalam revolusi Viet Nam kelas petani dapat mengujudkan pemberontakan dan dapat mengatasi keengganan ini.

[15 markah]

13. Bincangkan beberapa kajian tentang migrasi dari kampong ke bandar yang telah menunjukkan kesan perpindahan itu ke atas masyarakat tani dari segi:

- [a] Pengaturan penduduk di desa
- [b] Peranan petani perempuan
- [c] Pelapisan sosial di kampong-kampong yang terlibat
- [d] Kegiatan pertanian

[15 markah]

14. Terangkan pengaruh negara ke atas hubungan penghasilan dalam masyarakat tani, dalam tiga konteks:

- [a] Dasar Beras Negara di kawasan Muda
- [b] Kegiatan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli di kalangan suku bangsa Semai
- [c] Rancangan pembangunan dalam kampong-kampong di kawasan pinggiran negeri Thai

[15 markah]

...6/-

15. Huraikan perbezaan dan kesamaan di antara tiga bentuk pertanian kolektif, iaitu:
di negeri Rusia, di Cina dan di Malaysia (FELDA).

[15 markah]

16. Bincangkan kegunaan "ideological practice" di kalangan kaum pemberontak dalam kajian petani Thailand (Tanabe), Phillipines (Smirenskaia) dan Malaysia (Zawawi). Sebutkan peranan etnik dalam ideologi itu.

[15 markah]

17. Terangkan tiga bentuk 'everyday resistance' yang terdapat di kalangan petani di Malaysia dan Sumatra. Beri cadangan tentang apakah kesan bantahan itu dapat menghasilkan kesedaran kelas petani.

[15 markah]

- oo ooo oo -